

12 JUN 1996  
Pemuda-miskin  
MAJLIS KHAS PROGRAM BELA RAKYAT MISKIN PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan menghimpunkan para pemimpnnya pada majlis khas hujung bulan ini bagi memberi penerangan mengenai Program Pembelaan Rakyat, kata ketuanya Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Perhimpunan khas itu telah dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga presiden Umno.

Program Pembelaan Rakyat, yang dirancang Pergerakan Pemuda Umno Malaysia bertujuan membela nasib rakyat miskin di negara ini, mula bergerak dengan pengedaran borang-borang ke 165 bahagian Umno, katanya selepas mempengerusikan masyuarat Biro Politik Pergerakan Pemuda di ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Beliau berkata borang laporan mengenai permasalahan rakyat miskin itu akan diedarkan ke bahagian-bahagian terbabit untuk mendapatkan maklum balas secepat mungkin.

Katanya ini akan menggambarkan satu scenario yang bersifat nasional mengenai permasalahan yang berlaku dan ini merupakan laporan yang terperinci dan diharapkan tepat.

Rahim berkata masalah itu dikategorikan kepada tiga perkara pokok iaitu pengagihan lot-lot tanah rumah kos rendah kepada rakyat berpendapatan rendah; langkah-langkah anti-inflasi dan bekalan makanan; dan penyakit-penyakit sosial yang berlaku di kalangan masyarakat.

Beliau berkata hasil analisis daripada pogram itu akan dikumpul dan taklimat rumusan mengenainya akan diberikan kepada Dr Mahathir dan Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya program yang melibatkan pergerakan pemuda "turun ke bawah" ini dianggap sebagai bimbingan dan asuhan yang baik kepada para pemimpin akan datang.

Rahim berkata pada mesyuarat hari ini juga beliau memaklumkan bahawa Dr Mahathir bersetuju pada dasarnya untuk merasmikan pelancaran Rukun Pemuda pada Ogos dan juga Majlis Perniagaan dan Perdagangan bagi pemimpin-pemimpin Pemuda Asia Timur pada September ini.

Katanya ini bertujuan membentuk perwatakan pemuda dalam menuju abad ke-21 dan memantapkan peranannya pada peringkat wilayah dan sejagat.

Rahim berkata Pergerakan Pemuda juga memberikan sokongan penuh kepada perlantikan Anggota Dewan Undangan Negeri Kuah Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Katanya Pemuda Umno percaya Perdana Menteri mempunyai hak mutlak berhubung perlantikan ini dan ia sudah pasti membawa kebaikan bukan sahaja kepada Umno tetapi kepada negeri Kedah khususnya.

Beliau berkata selaras dengan itu Pemuda Umno di semua peringkat akan memberikan kerjasama kepada kepimpinan Kedah yang baru itu.

Mengenai kejadian samseng di jalan raya yang semakin menjadi-jadi, beliau berkata undang-undang yang lebih berat perlu dikenakan jika perlu bagi menghalang kejadian seumpama itu dari terus berulang.

Mengenai kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew mengenai kemungkinan republik itu bercantum semula dengan Malaysia pada suatu masa nanti, beliau berkata ini menunjukkan apa yang dilaksanakan oleh Malaysia amat membanggakan semua pihak.

Katanya kebaikan ini jugalah yang mendorong Singapura berhasrat menyertai semula Malaysia dan langkah ini merupakan perkara yang baik.

-- BERNAMA

HT AHH

